

Ref: (6) JPB/281-6/1 Vol 13

25<sup>th</sup> February 2026

Kepada Semua Kakitangan, Pelanggan dan Pengguna Pelabuhan yang dihargai,

Tuan/Puan yang dihormati,

**PELAKSANAAN LALUAN KESELAMATAN YANG DITETAPKAN DI JOHOR PORT BERHAD**

Johor Port Berhad (JPB) sentiasa komited untuk memastikan semua pengguna pelabuhan dapat menjalankan urusan perniagaan serta tugas masing-masing dengan selamat di dalam kawasan pelabuhan. Seajar dengan komitmen ini, JPB telah melaksanakan pelbagai langkah kawalan keselamatan bagi meningkatkan tahap keselamatan serta meminimumkan risiko di kawasan pelabuhan.

Sehubungan itu, JPB telah menetapkan laluan keselamatan khusus untuk semua pengguna pelabuhan seperti berikut :

Laluan	Butiran
Laluan Akses Awam	Terpakai kepada semua pengguna pelabuhan
Laluan Akses Operasi	Terhad kepada kakitangan operasi / individu yang dibenarkan

Sila rujuk pelan susun atur laluan yang dilampirkan untuk butiran lanjut.

Selain itu, semua pengguna pelabuhan adalah dikehendaki mematuhi peraturan dan garis panduan keselamatan seperti berikut:

1.	Tiada kenderaan, peralatan, kontena atau bahan lain dibenarkan untuk disusun, diletakkan, ditinggalkan atau ditempatkan di sepanjang laluan akses awam tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Jabatan Keselamatan & Sekuriti Pelabuhan (PSSD).
2.	Semua pengguna pelabuhan hendaklah mengambil langkah berhati-hati yang munasabah terhadap keselamatan dan kesihatan diri sendiri serta orang lain. JPB tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang risiko (termasuk kecederaan atau kematian), kerosakan, atau kerugian yang berpunca daripada sebarang tindakan atau kecuaiannya semasa menjalankan kerja di dalam kawasan pelabuhan.
3.	Semua pengguna pelabuhan diwajibkan mematuhi had laju yang ditetapkan di dalam kawasan JPB seperti berikut: (i) Kawasan blok JCT – 15 km/j, (ii) Kawasan dermaga dan lapangan kontena – 25 km/j, (iii) Jalan utama / kawasan bukan operasi – 45 km/j

Kami mengharapkan kerjasama sepenuhnya daripada semua pengguna pelabuhan untuk sentiasa mematuhi peraturan dan undang-undang keselamatan yang ditetapkan oleh JPB.

Kerjasama dan pematuhan pihak Tuan/Puan amatlah dihargai bagi memastikan persekitaran kerja yang selamat dan bebas daripada kemalangan di JPB untuk semua pihak.

'Work Safe, Get Home Safe'

Sekian, terima kasih.

**JOHOR PORT BERHAD**



**JAMALUDIN RAJA MOHAMAD**

Head,  
Port Security & Safety Department